

# Ah Lek: UMNO tidak campur tangan krisis MCA

UM 21 APR 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 20 April  
Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek berkata, dakwaan bahawa pelan damai tajaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam menyelesaikan krisis MCA sebagai campur tangan UMNO amat tidak berasas.

Tegasnya, selaku Pengerusi BN sudah tentu Dr. Mahathir berhak mengetahui malah bertanggungjawab menyelesaikan masalah yang melanda parti-parti komponennya.

Malah katanya, usaha Perdana Menteri campur tangan dalam krisis MCA begitu dihargai oleh ahli parti dan tindakan itu sebenarnya meneruskan kesinambungan semangat setia kawan dalam BN.

“UMNO tidak campur tangan dalam rumah tangga MCA sebaliknya pelan damai yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir dihormati oleh kami.

“Oleh itu, jika ada dakwaan atau cakap-cakap bahawa ia merupakan satu bentuk campur tangan UMNO, ia jelas tidak berasas sama sekali.” katanya ketika dihu-

bungi *Mingguan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas kolum “*Bisik-Bisik Awang Sulung*” dalam *Utusan Malaysia* hari ini bahawa sudah ada cakap-cakap yang kurang manis daripada kalangan Kumpulan A yang menyifatkan pelan damai Perdana Menteri sebagai campur tangan UMNO.

Menurut kolum itu, Kumpulan A tidak senang dengan cara penyelesaian yang telah dipersetujui itu dan ada yang berkata UMNO tidak sepatutnya masuk campur dalam hal rumah tangga MCA.

Semalam, Kumpulan B membuat keputusan membatalkan mesyuarat agung luar biasa (EGM) MCA yang sepatutnya diadakan esok, sebagai mematuhi pelan damai tajaan Dr. Mahathir.

Sehubungan itu semua pemilihan dalam mesyuarat 166 bahagian pada Sabtu dan Ahad depan selain peringkat tertinggi diminta ditangguhkan bagi mencapai matlamat pelan damai tersebut.

Mengulas lanjut Ah Lek berkata, pembatalan EGM itu bukan bermakna Kumpulan B takut menghadapi

■ Lihat muka 4

## Ah Lek: UMNO tidak campur tangan krisis MCA

UM 21 APR 2002

kekalahan pada pemilihan parti yang dijadualkan pada 29 Jun ini.

“Sebaliknya pembatalan itu bertujuan mengeratkan perpaduan serta mengukuhkan lagi MCA. Semangat ini diambil setelah dinasihati oleh Perdana Menteri,” katanya.

Ketika mengumumkan keputusan pembatalan EGM itu semalam, Ah Lek berkata:

“Pembatalan pemilihan parti itu adalah selaras dengan agenda perdamaian dan kestabilan yang dicadangkan oleh Dr. Mahathir.

“Nasihat Perdana Menteri adalah atas hasrat untuk melihat perpaduan yang merupakan semangat sebenar BN dan ia berasaskan kepada kepercayaan serta syarat yang saksama termasuk membatalkan EGM serta pemilahan parti dari peri-

ngkat bahagian dan seterusnya,” katanya

Pada 13 April lalu, Dr. Mahathir telah menggariskan satu rancangan damai bagi menamatkan krisis kepimpinan dalam MCA yang dinyatakan dalam pertemuan antara beliau dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik di Putrajaya.

Liong Sik yang mengesahkan pertemuan itu berkata, Perdana Menteri mengemukakan satu agenda yang mampu menstabilkan dan mendamaikan pergolakan itu.

Tegas beliau: “Pertemuan dengan Dr. Mahathir berjalan dalam keadaan yang amat baik. Saya berjanji untuk menyokong dan mencapai objektif melalui rancangan yang dicadangkan oleh Perdana Menteri.”